



**BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PEMASANGAN DAN
PENGUNAAN *SPEED LIMITATION DEVICE*
(SLD) KE ATAS KENDERAAN PERDAGANGAN**

KANDUNGAN

NO. PERKARA	MUKA SURAT
1. Pengenalan	1
2. Latar Belakang	1
3. Tafsiran	2
4. Objektif	4
5. Skop	4
6. Syarat-syarat Pemasangan dan Penggunaan	5
7. Penguatkuasaan	10
8. Lampiran 1 – Borang Permohonan Pengesah SLD	
Lampiran 2 – Borang Permohonan Komponen SLD	
Lampiran 3 – Format Slip Pengesahan SLD	
Lampiran 4 – Format Slip Pengesahan SLD retrofit	

1. PENGENALAN

Arahan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memastikan kenderaan bermotor di Malaysia khususnya bagi kenderaan perkhidmatan awam dan barangan dilengkapi dengan *Speed Limitation Device* (SLD) dalam memastikan pematuhan terhadap penguatkuasaan had laju kebangsaan yang telah ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 YB Menteri Pengangkutan menerusi kenyataan media bertarikh 13 Jun 2025 telah mengumumkan Penguatkuasaan Pelaksanaan Penggunaan *Speed Limitation Device* (SLD) ke atas kenderaan perdagangan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya serta mengurangkan risiko kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat.

2.2 Jabatan Pengangkutan Jalan telah menguatkuasakan pemasangan SLD kepada kenderaan motor untuk mematuhi Peraturan UN R89 bermula 1 Januari 2015 melalui rangka kerja *Vehicle Type Approval* (VTA) terhadap model kenderaan baharu.

2.3 Namun demikian, masih terdapat kategori kenderaan perdagangan tertentu, khususnya yang dibina sebelum 1 Januari 2015, berkemungkinan fungsi peranti tersebut tidak diaktifkan atau tidak dilengkapi dengan SLD sama sekali.

**** Ruangan ini sengaja dikosongkan ****

- 2.4 Bagi menyelaraskan semula pemasangan SLD, JPJ telah menguatkuasakan penggunaan peranti ini ke atas kenderaan perdagangan melalui keperluan pengesahan pemasangan dan kefungisian peranti tersebut mengikut piawaian yang ditetapkan.
- 2.5 Garis panduan ini dibangunkan bagi menetapkan kaedah pelaksanaan penggunaan SLD ke atas kenderaan perdagangan. Dokumen ini berfungsi sebagai rujukan teknikal dan rekod rasmi pematuhan bagi setiap pemasangan SLD.

3. TAFSIRAN

Bagi tujuan garis panduan ini:

- 3.1 “Laporan kefungisian SLD” ertinya laporan teknikal terperinci yang mengandungi maklumat berkaitan keputusan pemeriksaan SLD yang disediakan oleh badan atau syarikat pengesah sebagai bukti pematuhan terhadap peraturan berkenaan.
- 3.2 “Kenderaan M₃” ertinya kenderaan yang dibina untuk membawa penumpang, mempunyai lebih daripada lapan tempat duduk tidak termasuk tempat duduk pemandu, dan berat maksimumnya melebihi 5000 kg.
- 3.3 “Kenderaan N₂” ertinya kenderaan yang dibina untuk membawa barangan dengan berat maksimum melebihi 3500 kg tetapi tidak melebihi 12,000 kg.

- 3.4 “Kenderaan N₃” ertinya kenderaan yang dibina untuk membawa barangan dengan berat maksimum melebihi 12,000 kg.
- 3.5 “Pemasang peranti” ertinya syarikat yang dilantik oleh JPJ untuk membekalkan dan menguruskan pemasangan peranti SLD secara *retrofit* pada kenderaan motor.
- 3.6 “Pengesah” ertinya mana-mana badan atau syarikat yang diiktiraf oleh JPJ untuk menjalankan pemeriksaan, pengujian, dan pengesahan pemasangan serta kefungsiian SLD pada kenderaan motor.
- 3.7 “*Retrofit*” ertinya proses pemasangan atau penggantian komponen dan peralatan baharu seperti SLD pada kenderaan sedia ada yang pada asalnya tidak dilengkapi dengan peralatan tersebut, bagi mematuhi keperluan teknikal dan peraturan semasa.
- 3.8 “Slip pengesahan kefungsiian” ertinya dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh badan atau syarikat pengesah yang mengesahkan bahawa SLD yang dipasang pada sesuatu kenderaan telah diuji dan berfungsi mengikut spesifikasi serta piawaian yang ditetapkan.
- 3.9 “*Speed Limitation Device* (SLD)” ertinya satu peranti atau sistem yang dipasang pada kenderaan motor bagi mengehadkan kelajuan maksimum kenderaan tersebut

**** Ruangan ini sengaja dikosongkan ****

4. OBJEKTIF

- 4.1 Menetapkan keperluan keselamatan dan spesifikasi teknikal bagi peranti dan pemasangan SLD.
- 4.2 Memastikan setiap pemasangan SLD diselia oleh badan yang kompeten mengikut peraturan serta piawaian yang ditetapkan.
- 4.3 Mewujudkan prosedur pemantauan pemasangan SLD sebagai langkah kawalan pematuhan terhadap peraturan yang telah ditetapkan sebelum kenderaan dibenarkan untuk digunakan di atas jalan raya.

5. SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada **semua kenderaan perdagangan bagi kategori M₃, N₂ dan N₃** termasuklah kenderaan import terpakai / *rebuild* kecuali:

- a) Kenderaan yang direka khas untuk kegunaan **off-road**; dan
- b) Kenderaan dengan kod kegunaan **Jentera Bergerak (GB)**.

**** Ruang ini sengaja dikosongkan ****

6. SYARAT PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN

6.1 Spesifikasi Teknikal

- 6.1.1 Setiap peranti SLD hendaklah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan iaitu ***United Nations Regulation No. 89 (UN R89): Uniform Provisions Concerning the Approval of Vehicles with Regard to Limiting Their Maximum Speed or with Regard to Their Maximum Speed Limitation Function.***
- 6.1.2 Had laju maksimum yang dibenarkan ialah **90-kilometer sejam (km/j)** dan hendaklah ditetapkan serta dikonfigurasi terus ke dalam sistem *Electronic Control Unit* (ECU) atau peranti SLD bagi memastikan kawalan serta pematuhan terhadap peraturan had laju yang ditetapkan.
- 6.1.3 Mana-mana kenderaan sedia ada yang telah dilengkapi SLD, fungsi had kelajuan perlu diaktifkan dan disahkan. Kenderaan yang tidak mempunyai SLD hendaklah dipasang **peranti SLD secara retrofit yang mematuhi piawaian UN R89** dan atau mana-mana standard yang telah diiktiraf oleh JPJ. Pemasangan ini hanya boleh dilakukan oleh pemasang peranti yang dilantik JPJ sahaja.
- 6.1.4 Setiap pemasangan SLD secara retrofit tersebut hendaklah disahkan pemasangan dan kefungsiannya oleh mana-mana **pemasang peranti** yang diiktiraf oleh JPJ melalui pengeluaran slip pengesahan dan laporan kefungsiannya SLD.

6.2 Penyeliaan oleh Pengesah

- 6.2.1 Penyeliaan ini merangkumi aktiviti konfigurasi, pengujian dan pengesahan ke atas sistem SLD tersebut bagi memastikan sistem berfungsi mengikut had laju yang ditetapkan.
- 6.2.2 Pengesah SLD yang diiktiraf oleh JPJ adalah seperti berikut:
- a) Pengilang / Pengeluar;
 - b) Bengkel / Fasiliti servis yang dilantik oleh JPJ; atau
- 6.2.3 Pengilang, pengeluar atau pengedar hendaklah memaklumkan kepada JPJ senarai pihak yang telah dilantik bagi menjalankan pengesahan kefungsiian SLD bagi buatan / model kenderaan masing-masing.
- 6.2.4 Hanya pengesah yang telah diiktiraf oleh JPJ sahaja dibenarkan untuk mengeluarkan slip pengesahan dan laporan kefungsiian SLD bagi tujuan konfigurasi dan pengujian kefungsiian SLD dalam kenderaan motor.
- 6.2.5 Setiap pengesah hendaklah mempunyai peralatan dan perisian khas bagi membuat konfigurasi terus ke dalam sistem ECU atau peranti SLD untuk memastikan kawalan dan pematuhan terhadap peraturan had laju yang telah ditetapkan.

***** Ruangan ini sengaja dikosongkan *****

6.2.6 Permohonan atau pemakluman sebagai pengesah hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif melalui emel: kawalseliabengkel@jpi.gov.my bersama-sama maklumat / dokumen yang berikut:

- a) Borang Permohonan (**Lampiran 1**);
- b) Salinan daftar syarikat (SSM).
- c) Broucher / Catalogue peralatan yang digunakan.
- d) Surat kebenaran / lantikan daripada Principal
- e) Contoh Slip Pengesahan Kefungsian SLD yang akan dikeluarkan kepada pemilik.
- f) Contoh Laporan Pengesahan Kefungsian SLD yang lengkap.

6.3 **Penyeliaan oleh Pemasang Peranti (*Retrofit*)**

6.3.1 Penyeliaan ini merangkumi aktiviti pembekalan, pemasangan, pengujian dan pengesahan ke atas sistem SLD tersebut bagi memastikan pemasangan yang telah dilakukan adalah mematuhi keperluan teknikal dan tahap keselamatan yang telah ditetapkan serta sistem SLD berfungsi mengikut konfigurasi yang ditetapkan.

6.3.2 Bagi pemasangan secara *retrofit*, permohonan bagi pendaftaran sebagai pemasang dan peranti SLD tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif melalui emel: cta.online@jpi.gov.my bersama-sama dokumen yang berikut:

- a) Borang Permohonan (**Lampiran 2**)
- b) Maklumat syarikat
- c) Sijil pematuhan UN R89

6.3.3 Permohonan yang lengkap akan disemak dan hanya pemasang peranti yang telah diluluskan oleh JPJ sahaja dibenarkan untuk membekalkan peranti SLD dan menguruskan pemasangan secara retrofit pada kenderaan motor.

6.3.4 Pemasang peranti hendaklah bertanggungjawab untuk membekal, melantik, memberi latihan serta menyelaras mana-mana orang yang bertauliah bagi tujuan pemasangan dan pengeluaran Slip Pengesahan dan Laporan Kefungsian SLD.

6.4 **Penyediaan Dokumen Pengesahan Kefungsian**

6.4.1 Setiap pengesahan dan pemasangan hendaklah disertakan dengan dua dokumen utama seperti berikut:

- a) **Slip Pengesahan;** dan
- b) **Laporan Kefungsian SLD.**

6.4.2 Dokumen ini hendaklah disediakan oleh Pengesah / Pemasang Peranti yang diiktiraf oleh JPJ sahaja untuk setiap unit kenderaan bermotor yang terlibat **setelah berpuas hati bahawa sistem SLD yang dipasang, diperiksa dan diuji memenuhi ketetapan dalam garis panduan ini.**

6.4.3 Dokumen ini hendaklah disediakan mengikut format seperti di **Lampiran 3** atau **Lampiran 4** dan sekurang-kurangnya 3 salinan bagi simpanan pemilik dan rekod Pengesah / Pemasang Peranti / APAD / LPKP.

**** Ruangan ini sengaja dikosongkan ****

7. PENGUATKUASAAN

7.1 Penguatkuasaan SLD dilaksanakan dalam tiga (3) fasa tertakluk kepada kategori kenderaan motor seperti yang diperincikan di bawah:

FASA	KATEGORI KENDERAAN	TARIKH PENGUATKUASAAN
<p><u>Fasa 1:</u> Pengesahan Kefungsian SLD</p>	<p>Semua kenderaan motor yang dibina selepas 1 Januari 2015, tertakluk kepada kategori berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bas persiaran dan Bas Ekspres dengan BDM melebihi 5000 kg dan melebihi 8 penumpang; dan b) Kenderaan barangan dengan BDM melebihi 3500 kg. 	<p>1 Oktober 2025</p>
<p><u>Fasa 2:</u> Pengaktifan SLD dalam Electronic Control Unit (ECU)</p>	<p>Semua kenderaan motor yang dibina sebelum 1 Januari 2015 tertakluk kepada kategori berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kenderaan barangan dengan BDM melebihi 3500 kg; dan b) Kenderaan penumpang dengan BDM melebihi 5000 kg dan melebihi 8 penumpang 	<p>1 Januari 2026</p>
<p><u>Fasa 3:</u> Pemasangan peranti SLD secara retrofit yang telah mendapat pengesahan daripada JPJ</p>	<ul style="list-style-type: none"> 1) Mana-mana kenderaan motor dalam kategori berikut yang tidak dilengkapi dengan sistem SLD: <ul style="list-style-type: none"> a) Kenderaan barangan dengan BDM melebihi 3500 kg; dan b) Kenderaan penumpang dengan BDM melebihi 5000 kg dan melebihi 8 penumpang. 2) Semua kenderaan rebuilt dan import terpakai 	<p>1 Julai 2026</p>

7.2 Kaedah penguatkuasaan

7.2.1 Pemilik kenderaan **hendaklah mengemukakan Slip Pengesahan dan Laporan Kefungsian SLD semasa pemeriksaan awalan dan berkala di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM).**

7.2.2 Pihak Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) hendaklah melakukan semakan ke atas dokumen ini mengikut fasa penguatkuasaan yang telah ditetapkan.

7.2.3 Dokumen-dokumen pengesahan ini hendaklah dikemukakan semasa permohonan atau pembaharuan permit di Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

7.2.4 Dokumen Pengesahan Kefungsian SLD hendaklah **diperbaharui setiap dua (2) tahun dan disimpan dalam kenderaan bagi tujuan penguatkuasaan di atas jalan raya.**

8. LAMPIRAN


8.1 Lampiran 1: Borang Permohonan Pengesah SLD

8.2 Lampiran 2: Borang Permohonan Komponen SLD

8.3 Lampiran 3: Format Slip Pengesahan SLD

8.4 Lampiran 4: Format Slip Pengesahan SLD retrofit

CARTA ALIR PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN *SPEED LIMITATION DEVICE* (SLD) KENDERAAN PERDAGANGAN





**BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
IBU PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGESAH SPEED LIMITATION DEVICE (SLD) BAGI
KERJA PENGESAHAN DAN PENGAKTIFAN SLD (ECU)**

A) BUTIRAN PEMOHON:

1.	Nama Syarikat		
2.	Alamat Penuh		
			Poskod:
3.	No. Telefon		
4.	Emel		

B) SENARAI BUATAN DAN MODEL:

Bil.	Buatan	Model
1.		
2.		
3.		

C) SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

(Sila tandakan ✓ pada senarai semak dibawah berserta salinan dokumentasi)

Bil.	Perkara	(✓)	Catatan
1.	Salinan Daftar Syarikat (SSM)		
2.	<i>Broucher / Catalogue</i> peralatan yang digunakan.		
3.	Surat kebenaran / iantikan daripada <i>Principal</i> jika bukan pengeluar kenderaan rasmi yang berdaftar dan beroperasi di Malaysia.		
4.	Contoh Slip Pengesahan Kefungsian SLD yang akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan.		
5.	Contoh Laporan Pengesahan Kefungsian SLD yang lengkap, termasuk butiran kenderaan, keputusan pengujian dan pengesahan tetapan had laju.		

*Sila rujuk Garis Panduan Pemasangan dan Penggunaan Speed Limitation Device (SLD) Kenderaan Perdagangan di Portal JPJ bagi perkara 4 dan 5.

D) PERAKUAN PEMOHON

Saya / kami dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah BENAR. Jika terdapat sebarang maklumat yang tidak benar, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhak menolak atau membatalkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak saya / kami ini dengan serta merta.

Tandatangan :
 Nama :
 Tarikh :

Permohonan yang telah lengkap berserta dokumen lampiran perlu dihantar melalui emel berikut:
kawalseliabengkel@jpi.gov.my



**BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
IBU PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, MALAYSIA**

JPJ.KA. CTA.SLD

**BORANG PERMOHONAN KELULUSAN JENIS KOMPONEN (COMPONENT TYPE APPROVAL)
BAGI SPEED LIMITATION DEVICE (SLD)**

A) BUTIRAN PEMOHON:

1.	Nama Penuh Pemohon / Syarikat				
2.	Alamat Penuh				Poskod :
3.	No.Telefon				
4.	Emel				
5.	Kategori Permohonan (√)	<input type="checkbox"/> Baru	<input type="checkbox"/> Ulangan	<input type="checkbox"/> Kajian	

B) MAKLUMAT KOMPONEN :

Bil.	Perkara	Keterangan	
1.	Buatan		
2.	Model		
3.	No. E- Marking		
4.	No. Kelulusan Persijilan Peraturan UN & Tarikh		
	No. Rujukan Laporan Pengujian Peraturan UN & Tarikh		
5.	Kuantiti (unit)		

*Nota :

Sila gunakan lambran berasingan jika ;

I) Mempunyai lebih daripada satu (1) model.

II) Mempunyai nombor Kelulusan Persijilan/ Laporan Pengujian yang berbeza

C) SENARAI SEMAK DOKUMEN/ITEM YANG PERLU DIKEMUKAKAN : (Sila tandakan √ pada senarai semak dibawah berserta salinan dokumentasi mengikut kategori permohonan)

Bil.	Perkara	Baru	Ulangan	Kajian
1	Borang Permohonan			
2	Salinan Daftar Syarikat (SSM)			
3	Salinan Sijil dan Laporan Pengujian Peraturan UN			
4	Surat Kelulusan Terdahulu			
5	Resit/ Invois Pembelian			
6	Sampel Speed Limitation Device			

D) SENARAI PEMATUHAN PIAWAIAN BAGI *SPEED LIMITATION DEVICE*

Nama komponen	Piawaian Mandatori
<i>Speed Limitation Device</i>	a) Peraturan United Nation (UN) R89 - <i>Uniform provisions concerning the approval of power-driven vehicles with regard to speed limitation devices (SLD)</i>

E) PERAKUAN PERMOHON

Saya / kami dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah BENAR. Jika terdapat sebarang maklumat yang tidak benar, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhak menolak atau membatalkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak saya / kami ini dengan serta merta.

Tandatangan :
 Nama :
 Tarikh :

Permohonan yang telah lengkap beserta sampel dan dokumen lampiran perlu dihantar ke alamat :

1. IBU PEJABAT,
 JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA,
 BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
 ARAS 4, NO.26, JALAN TUN HUSSIEN,
 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4 ,
 62100 PUTRAJAYA.
 (Tel : 03-88614274), ATAU
2. E-mail : cta.online@jpp.gov.my

KEPALA SURAT / LETTER HEAD SYARIKAT PENGESAH SLD

SLIP PENGESAHAN KEFUNGSIAN SPEED LIMITATION DEVICE (SLD)

Tulisan - Arial
Saiz - 14
Warna - hitam

Tarikh Pengesahan: [DD/MM/YYYY]

No. Rujukan SLD: [No. Siri/Buatan>Nama Syarikat Pengesah/Tahun semasa]

Maklumat Syarikat Pengesah

Nama Syarikat : [Nama Syarikat Pengesah]

Alamat : [Alamat Syarikat Lengkap]

001/VOLVO/TRUCKQUIP/2025

No. Telefon : [Nombor Telefon]

Maklumat Kenderaan

Nombor Pendaftaran : [Contoh: ZZZ 1234]

Buatan / Model : [Contoh: VOLVO / FM450]

No. Casis : [Contoh: ABC1234567890]

Pemilik Kenderaan : [Nama Pemilik]

Pengesahan

Dengan ini, kami pihak [Nama Syarikat Pengesah] memperakui pihak kami telah menjalankan pemeriksaan pada kenderaan dan mengesahkan bahawa sistem/peranti SLD telah ditetapkan pada kelajuan maksimum [90 km/j], seperti yang disyaratkan oleh pihak berkuasa.

Tulisan - Arial
Saiz - Maks 13
Warna - Hitam

Disertakan juga Laporan pengesahan SLD yang menunjukkan tetapan telah ditetapkan pada kelajuan maksimum [90 km/j] bagi rujukan pihak berkuasa.

Tempoh Sah Laku Slip

Slip pengesahan ini sah selama dua (2) tahun dari tarikh pengesahan, dan perlu diperbaharui selepas tempoh tersebut.

Tarikh Tamat Tempoh: [DD/MM/YYYY]

Tandatangan & Cop Rasmi

Nama Pemeriksa : [Nama Pegawai Pemeriksa]

Jawatan : [Contoh: Juruteknik Kanan]

Tarikh : [DD/MM/YYYY]

Cop Syarikat:

Tulisan - Arial
Saiz - Maks 11
Warna - Hitam

Nota: 1(satu) Salinan kepada pemilik kenderaan
1(satu) Salinan simpanan syarikat pengesah

KEPALA SURAT / LETTER HEAD SYARIKAT PEMASANG DAN PENGESAH SLD RETROFIT

SLIP PENGESAHAN PEMASANGAN DAN KEFUNGSIAN SPEED LIMITATION DEVICE (SLD) RETROFIT

Tulisan - Arial
Saiz - 14
Warna - Hitam

Tarikh Pemasangan / Pengesahan : [DD/MM/YYYY]

No. Rujukan SLD : [No. Siri/Buatan>Nama Syarikat Pemasang & Pengesah/Tahun Semasa

Maklumat Syarikat Pemasang Dan Pengesah

Nama Syarikat : [Nama Syarikat Pemasang & Pengesah]
Alamat : [Alamat Lengkap Syarikat]

001/VOLVO/TRUCKQUIP/2025

No. Telefon : [No. Telefon Syarikat]

Maklumat SLD

Buatan : [Jenama SLD yang dipasang]
Model : [Model SLD yang dipasang]
No. Kelulusan UN R89 : [No. Kelulusan Peraturan UN R89 SLD]
No. Siri : [No. Siri SLD yang dipasang]
No. Rujukan JPJ : [No. Rujukan Surat JPJ]

Maklumat Kenderaan

Nombor Pendaftaran : [Contoh: ZZZ 1234]
Buatan/Model : [Contoh: VOLO / FM450]
No. Casis : [Contoh: ABC1234567890]
Pemilik Kenderaan : [Nama Pemilik]

Tulisan - Arial
Saiz - Maks 13
Warna - Hitam

Pengesahan

Dengan ini, kami pihak [Nama Syarikat Pemasang & Pengesah] memperakui pihak kami telah menjalankan pemasangan dan pengesahan bahawa peranti SLD telah ditetapkan pada kelajuan maksimum [90km/j] seperti yang disyaratkan oleh pihak berkuasa.

Disertakan juga Laporan pengesahan pemasangan SLD yang menunjukkan peranti telah ditetapkan pada kelajuan maksimum [90km/j] bagi rujukan pihak berkuasa.

Tempoh Sah Laku Slip

Slip pengesahan ini sah selama dua(2)tahun dari tarikh pengesahan dan perlu diperbaharui selepas tempoh tersebut.

Tarikh Tamat Tempoh : [DD/MM/YYYY]

Tandatangan & Cop Rasmi

.....
Nama Pemasang : [Nama Pegawai Pemasang]
Jawatan : [Contoh : Juruteknik Kanan]
Tarikh : [DD/MM/YYYY]

Cop Syarikat

Tulisan - Arial
Saiz - Maks 14
Warna - Hitam

Nota: 1(satu) Salinan kepada pemilik kenderaan
1 (satu) Salinan simpanan syarikat pemasang